

IM PILIH V2 23 [e-mel]



HALWA TELINGA...air pancuran di tempayan klasik.



ILHAM KEJAYAAN...dekorasi tangga simbolik kegigihan usaha.



SENI...selurur tangga ukiran indah besi tempawan.

Hiasan papar matlamat penubuhan

Harian Metro - 23/12/2006

Yayasan Perdana bukan saja indah tetapi setiap dekorasinya mengungkapkan misi pengasasannya

>>Oleh Hartini Mohd Nawi
tini@hmetro.com.my

MENGUNJUNGI Yayasan Kepimpinan Perdana di Persint 8, Putrajaya, tentunya menyingkap seribu satu rahsia keindahan.

Ditubuhkan pada 2003, ia menempatkan pejabat bekas Perdana Menteri dan Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Konsep landskap dan reka bentuk dalaman bangunan selaras dengan matlamat penubuhan iaitu mengumpul, mendalami serta menyebarkan maklumat mengenai bekas Perdana Menteri Malaysia," kata Pengurus Besar Yayasan Kepimpinan Perdana, Zarina Abu Bakar.

Persis air yang sentiasa mengalir dan mengilhamkan bunyi alam semula jadi, ia menjadi simbolik kewujudan yayasan berkenaan yang menyingkap sejarah demi masa depan.

Melengkapi segala konsep elemen air dan keindahan semula jadi itulah, kolam dan air berpancuran pada lima tempayan klasik nyata memukau pandangan land-skap luar yayasan itu.

Uniknya, lokasi air berpancuran itu bersebelahan Jambatan Saujana yang memukau serta mempesonakan, apatah lagi dikelilingi Tasik Putrajaya yang saujana indah mata memandang.

Bukan sekadar landskap luar yang menjadi sebutan, malah dekorasi dalaman Yayasan Kepimpinan Perdana itu tidak kurang hebatnya.

Ruang legarnya menempatkan pelbagai koleksi cenderahati dan pameran potret isti-

mewa era pemerintahan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir.

Sebelum meninjau secara keseluruhan informasi di ruang legar itu, pandangan anda tentunya terpukau dengan keunikan reka bentuk tangga yang direka khas sebagai simbolik usaha menuju kejayaan.

Penataan cahaya yang terang, susur tangga diserikan dengan besi tempawan membuatkan reka bentuknya kelihatan teliti dan sempurna.

Menuju ke lokasi Pustaka Perdana, suasana pembelajaran harmoni berkonsepkan digital diterapkan sepenuhnya sebagai menyahut cabaran era globalisasi.


Ia berfungsi sebagai menyimpan dokumen berkenaan polisi, strategi dan inisiatif yang pernah dilaksanakan bekas Perdana Menteri.

"Kami sedang membina koleksi buku, petikan akhbar, ucapan, kertas polisi, biografi, petikan video dan rekod audio bagi mencapai hasrat yayasan sebagai sumber sejarah kepimpinan negara.

"Segala bahan yang dikumpul Pustaka Perdana ini, diubah dalam bentuk digital dengan akses melalui laman web www.perdana.org.my," katanya.

Sambil menimba ilmu dan melakukan kajian, anda tentunya terpancang ke luar yang memaparkan keindahan semula jadi yayasan dari tingkap kacanya.

BAGAIKAN POSKAD...
segenap sudut dihiasi landskap menarik.



CANGGIH...Pustaka Perdana bekalkan sistem maklumat digital.



JADI KEBANGGAAN...pameran bergambar ini singkap sejarah bekas Perdana Menteri.

